

09 SEP 1999

Kit Siang-Parlimen

ADAKAN SIDANG KHAS JIKA PILIHAN RAYA TIDAK DIADAKAN SEGERA, KATA KIT SIANG

SIBU, 9 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang mencadangkan sidang khas Parlimen diadakan jika Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mengisytiharkan pilihan raya umum dalam tempoh dua bulan lagi.

Lim mendakwa bahawa satu sebab kenapa Dr Mahathir melengahkan perisytiharan pilihan raya adalah kerana perdana menteri tidak yakin Barisan Nasional yang memerintah mampu mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen.

Beliau berkata demikian pada perhimpunan DAP di sini malam tadi bagi meraikan pembebasan timbalan setiausaha agung parti itu Lim Guan Eng selepas menjalani hukuman penjara selama setahun daripada 18 bulan hukuman penjara yang dikenakan terhadapnya kerana memfitnah dan menghasut.

Presiden Parti Reformasi Sarawak (Star) Dr Patau Rubis dan anggota majlis eksekutif Keadilan tempatan turut hadir.

Lim berkata debat juga perlu diadakan bagi memastikan pilihan raya akan datang adalah bebas, adil dan bersih, kerana menurut Lim, Dr Mahathir telah meluahkan kebimbangan terjadinya pergaduhan kaum jika BN gagal memperolehi majoriti dua pertiga.

Pada 23 Jun lepas, Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya Datuk Omar Mohamed Hashim mengumumkan pada satu sidang media di Kuala Lumpur bahawa 6 Ogos, 2000 adalah tarikh terakhir untuk diadakan pilihan raya umum.

Bagi Sarawak, Lim berkata masalah besar yang dihadapi ialah isu Tanah Hak Adat Bumiputera yang beliau sifatkan sebagai ancaman baru kepada masyarakat Dayak.

Baru-baru ini, empat pekerja ladang terbunuh yang dipercayai berpunca daripada pergaduhan mengenai tanah antara pemilik ladang dan penghuni rumah panjang di Niah di Bahagian Miri.

Terdahulu ketika berucap, Dr Patau berkata bahawa bulan lepas, Star, Keadilan dan DAP telah membincangkan secara formal susunan kerja jangka panjang di kalangan parti-parti pembangkang di Sarawak.

-- BERNAMA

ESS RYN RHM